

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.6 (19)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2018-2020)  
BILANGAN 3 TAHUN 2019**

**Tarikh** : 28 Mac 2019 (Khamis)  
**Masa** : 10.30 Pagi – 12.40 Tengahari  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran.

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Februari dan Mac 2019.

**3. PERUTUSAN Pengerusi**

3.1 YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir pada pagi ini. Dalam Mesyuarat Majlis yang lepas, beliau menyatakan ini adalah mesyuarat terakhir yang dipengerusikan oleh beliau, namun sehingga hari ini beliau masih



mempengerusikan mesyuarat tersebut. Beliau memaklumkan akan melapor diri ke PKNS pada 1 April 2019.

Selama tempoh empat (4) tahun di MBPJ bermula 1 April 2015, banyak cabaran dan inisiatif yang dilakukan bersama bagi mempertingkatkan perkhidmatan kepada penduduk Petaling Jaya. Terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang memberikan kerjasama kepada beliau sepanjang perkhidmatan beliau di MBPJ.

Jutaan terima kasih kepada Timbalan Datuk Bandar iaitu Tuan Johary bin Anuar yang merupakan seorang pegawai yang cemerlang dan baik. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada Puan Timbalan Setiausaha dan team serta pegawai-pegawai di atas usaha dan inisiatif yang kuat sehingga terbinanya PJ Smart Center. Selain daripada itu, di atas inisiatif puan TSU Majlis diiktiraf memenangi Anugerah Bandar Mampan iaitu anugerah tertinggi di Malaysia.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Pengarah Jabatan Perbendaharaan, Pengarah Jabatan Kejuruteraan, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran. Pengarah Jabatan Penguatkuasaan seorang pegawai yang sentiasa dekat dengan beliau kerana berjumpa dan membuat perbincangan. Tidak lupa kepada ketua jabatan yang lain yang sentiasa menyalurkan maklumat berkaitan jabatan melalui aplikasi 'WhatsApp'. Ucapan terima kasih kepada Pengarah Jabatan Landskap. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada Puan Hajah Sharinaz yang terlalu komited dengan kerja dan banyak berjumpa beliau dengan idea untuk meningkatkan hasil Majlis melalui Jabatan Pelesenan. Encik Lee Lih Shyan yang kuat bekerja, banyak idea dan kreatif di dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Pengarah Unit Perundangan, Pengarah Unit Teknologi Maklumat iaitu Encik Samsul Bahari yang dikenali semasa bekerja bersama di Kementerian Kewangan, Pengarah Unit Komunikasi Korporat, Pengarah Unit Audit Dalam, Pengarah Unit COB, Pengarah Unit OSC dan Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak).

Hasil kerjasama dan perbincangan bersama, Petaling Jaya tersenarai di antara 10 bandar 'Happy City' dan mempunyai bangunan Smart Center iaitu yang pertama di Malaysia.

Pergaduhan dan percanggahan pendapat bersama ADUN seperti YB. Rajiv a/l Rishyakaran, YB. Tuan Haji Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri dan YB. Halimey bin Abu Bakar dalam menghasilkan keputusan terbaik

di dalam mesyuarat adalah perkara biasa. Beliau berharap agar kerjasama yang terjalin sentiasa kekal walaupun beliau telah berpindah ke tempat kerja baharu.

Sepanjang karier beliau sebagai penjawat awam, beliau belum pernah menghadapi situasi tidak diterima di tempat baharu sebagaimana pemergian beliau ke PKNS. Akan tetapi di atas arahan Ketua Jabatan, beliau sanggup menggalas amanah yang telah diberikan.

### 3.2 **SMART PJ : MBPJ MENUJU BANDAR PINTAR**

Selaras usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan `Smart Selangor` yang peduli, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengambil satu langkah terkehadapan dengan memulakan projek PJ `Smart City` dan membangunkan `PJ Smart Centre` ke arah menggalakkan perkembangan `Knowledge Economy` melalui pembangunan Infrastruktur Pintar (`Smart Infrastructure`), Membangun `Smart People` dan mewujudkan Kerajaan Pintar (`Smart Government`).

`PJ Smart Centre` merupakan pusat data MBPJ bagi mengurus dan memantau bandar raya Petaling Jaya dengan lebih cekap melalui platform penyimpanan dan pemprosesan data bersepadu dengan menggunakan data-data digital Majlis yang dianalisis secara `Automated`. Ia juga merupakan lambang ke arah pengurusan data yang sistematik.

Fungsi PJ Smart Centre akan menghasilkan pelaporan bagi setiap papan pemuka (`dashboard`) yang dibangunkan di mini smart centre dalam membantu Majlis membuat sesuatu keputusan dalam perancangan dan pengurusan bandar raya Petaling Jaya. Data yang dihasilkan di mini smart centre akan dipaparkan dan dipantau di pusat data `PJ Smart Centre`.

MBPJ telah membangunkan sebanyak tiga mini smart centre yang telah mula beroperasi di Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Penguatkuasaan dan Unit Komunikasi Korporat (Seksyen Aduan Awam). Majlis turut bercadang untuk membangunkan 10 mini smart centre lagi di lain-lain jabatan pada tahun ini. Bagi memastikan penduduk Petaling Jaya menyokong dan turut terlibat dalam pelaksanaan `PJ Smart City`, Majlis bercadang untuk membangunkan mini smart centre di kawasan-kawasan kejiranan sekitar Petaling Jaya.

Pelaksanaan Projek `PJ Smart City` merupakan penyelesaian bersepadu (`Integrated Solution`) menggunakan platform Sistem Maklumat Geografi

(GIS)' sebagai asas pembangunan aplikasi dalam mengurus bandar raya Petaling Jaya secara pintar, mampan dan berdaya tahan. Sebanyak 64 *dashboard* dibangunkan yang merangkumi lima sektor utama perkhidmatan Majlis, iaitu Perancangan dan Pembangunan Bandar ('City Planning & Development'), Pembangunan Komuniti Bandar ('City Community Development'), Perniagaan Bandar ('City Business'), Pengurusan Bandar & Penguatkuasaan ('City Management & Enforcement') dan Perkhidmatan Bandar Raya ('City Town Services').

### 3.3 MBPJ LANCAR APLIKASI PINTAR 'SMART PJ ENFORCEMENT'

Selari dengan arus kemodenan yang berteknologi tinggi, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melancarkan satu aplikasi pintar yang dinamakan sebagai "Smart PJ Enforcement". Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui *Play Store* untuk pengguna Sistem Pengoperasian – Android sahaja. Manakala, pengguna iOS ('Iphone Operating System') masih dalam pembangunan.

Aplikasi ini dapat memberikan satu akses pintar yang menarik kepada 'Stakeholders' atau pelanggan Majlis untuk menyemak dan membayar secara elektronik (ePay@MBPJ) bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah perundangan penguatkuasaan Majlis. Antara bentuk urusan yang disediakan melalui aplikasi ini adalah seperti berikut :

- Semakan status kesalahan yang dilakukan oleh Orang Kena Kompaun (OKK) seperti tiada lesen perniagaan/ tiada permit kelulusan aktiviti/ halangan awam / iklan tanpa lesen/ kesalahan lalulintas dan sebagainya.
- Kemudahan bayaran atas talian dengan menggunakan kad debit/kredit sahaja.
- Tawaran Khas kadar pengurangan kompaun bagi kesalahan-kesalahan lalulintas yang dilakukan dalam tempoh 24 Jam sahaja. (RM 10.00).
- Tawaran Khas Kadar Kompaun yang dijelaskan melalui Apps 'PJ Smart Enforcement' akan mendapat tambahan diskaun sebanyak 10% daripada kadar sedia ada bagi lain-lain kesalahan kecuali di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan dan juga kes dalam tindakan Mahkamah.
- Capaian maklumat kesalahan dengan lebih mudah, cepat dan berkesan.

- OKK tidak perlu hadir di pejabat atau menggunakan agen provokator bagi mendapatkan pengurangan kompaun.
- Penjimatan masa dan mesra pelanggan.
- Meningkatkan integriti perkhidmatan awam di peringkat kerajaan ketiga.

Berdasarkan statistik, penggunaan bayaran secara online melalui epay@MBPJ telah meningkat sebanyak 46.7% pada tahun 2018 (63,630 transaksi) berbanding 2017 (33,941 transaksi). Majlis menjangkakan penggunaan aplikasi itu akan mendapat sambutan berdasarkan tawaran tambahan diskaun yang diberikan. Tawaran diskaun ini hanyalah untuk kompaun semasa sahaja.

MBPJ merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Negeri Selangor yang memberikan perkhidmatan secara langsung bagi mendukung matlamat bandar raya Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya pintar atau dikenali sebagai `PJ Smart City`. Dengan pelancaran aplikasi ini juga, dapat memudahkan masyarakat berurusan dengan Majlis, selaras dengan visi iaitu ke arah menjadi PJ Sustainable 2030.

### 3.3 GERAN KOMUNITI UNTUK PETALING JAYA MAMPAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melancarkan Geran Komuniti Untuk Petaling Jaya Mampah Tahun 2019. Geran itu juga dikenali sebagai PJ S.E.E.D (Social, Environment, Economy Development).

Geran tersebut merupakan inisiatif Majlis untuk menjemput organisasi di peringkat masyarakat seperti (RA/RT/JKKK, JMB/MC, NGO/CSO, Sekolah/IPT dan Jawatankuasa Tempah Ibadat) untuk merancang dan melaksanakan projek/inisiatif yang akan membantu MBPJ meningkatkan prestasi dalam bidang-bidang seperti berikut:

- Smart PJ
- Bandar raya Berkarbon Rendah Petaling Jaya
- Circular City of Petaling Jaya
- Bandar Selamat
- Bandar Pembelajaran Petaling Jaya
- Bandar Hijau PJ
- Kota Seni PJ
- Eco-mobility PJ

- Cashless Society of Petaling Jaya
- Masyarakat Penyayang Petaling Jaya
- A.I (Artificial Intelligence) dan Industri 4.0

Sebagai makluman, bantuan geran sejumlah RM5,000.00 diperuntukkan secara minima dan RM 50,000.00 secara maksima akan diberikan bergantung kepada projek atau program yang ingin dilaksanakan. Projek-projek yang boleh dilaksanakan adalah Networking (Jaringan), Service (Perkhidmatan), CEPA (Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam), Kajian dan Infrastruktur.

Majlis berhak meluluskan amaun geran yang diberikan berdasarkan kepada penilaian teknikal dan juga keperluan semasa. Keutamaan akan diberikan kepada projek yang berpotensi menghasilkan impak positif dan mematuhi perkara-perkara seperti berikut:-

- Keboleh-capaian kejayaan yang ditetapkan.
- Mengurangkan risiko pencemaran ke atas alam sekitar dan perbandaran.
- Menjimatkan kos perbelanjaan Majlis dalam pengurusan dan pembangunan bandar.
- Mengurangkan penjanaaan sisa pepejal dan impak pencemaran ataupun karbon dioksida ataupun kedua-duanya.
- Memperolehi impak positif dalam jangka masa panjang ke atas pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar.
- Projek/inisiatif yang memudahcarakan pencapaian visi MBPJ ke arah *Smart Selangor, PJ Sustainability 2030, New Urban Agenda, Sustainable Development Goals, circular economy and PJ City Climate Action Plan.*

Majlis berharap inisiatif yang diusahakan ini mendapat sambutan daripada masyarakat setempat agar objektif yang dirancang dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada semua pihak.

### 3.4 KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA

#### 3.4.1 KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2019 sehingga minggu epid 12 adalah sejumlah 1666 kes denggi telah dilaporkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 306 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 413 kes.

Berikut adalah lokaliti wabak terkini yang dilaporkan. Bilangan Kawasan Hotspot Terkini Dilaporkan sehingga 25/3/2019:

1. Flat Impian Baiduri Sekyen 51A
2. Apartment Bayu PJU 10, Damansara Damai
3. Apartment Saujana 1 PJU 10 (Blok A, B, C, D, E, F, L, M)
4. Flat Pelangi Damansara PJU 6 (Blok A, B, C)
5. Palm Spring Kondo 1 PJU 3 (Blok A, B, C)
6. Palm Spring Kondo 2 PJU 3 (Blok D, E, F)
7. Seksyen 4 Gugusan Semarak Seksyen 4 PJU 5
8. Seksyen 6 PJU 5, Kota Damansara
9. Gugusan Cempaka Seksyen 6 PJU 5, Kota Damansara
10. Gugusan Kantan Seksyen 7 PJU 5 Kota Damansara
11. Taman Sri Subang PJS 10 (Teres E : Jalan PJS 10/24, 10/24A, 10/26, 10/28, 10/30, 10/34)
12. Apartment Kayangan PJS 10
13. Ridzuan Kondo PJS 10
14. Flat Desa Mentari 2 PJS 6 (Blok 4,5,6)
15. Apartment Damai PJS 8
16. Mentari Court PJS 8
17. Kompleks Kediaman Kastam SS 6
18. Apartment Medan Cahaya PJS 2C (Blok A-H)
19. Taman Medan PJS 2D (Teres B : Jalan PJS 2D/2, 4, 5 - 12, 14)
20. Taman Indah Jaya PJS 4 (Teres C : Jalan PJS 4/40, 10, 14, 14A-D, 12, 15, 17, 23)

### 3.4.2 PROGRAM SEDAR

Sejak tahun 2014, sebanyak 238 pasukan SEDAR telah ditubuhkan sehingga kini. Pada tahun 2019, sebanyak 8 pasukan SEDAR Komuniti, 4 SEDAR masjid dan 7 SEDAR sekolah telah dijalankan sehingga minggu epid 10/2019.

## 4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

### 4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 2 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020).

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 2 Tahun 2019 bagi penggal 2018/2020 bertarikh 27 Februari 2019 disahkan dengan pindaan bagi perkara 5 di muka surat 11 perenggan akhir iaitu:-

Puan Rahibah binti Che Omar turut berharap agar majlis memandang serius perkara ini dan merangka prosedur bagi acara selepas penggunaan tasik kerana selepas Program PJ Car Free Day, air tasik menjadi berbau dan kotor sehingga merosakkan hidupan mikro dan pokok di tepi tasik. Beliau turut berharap agar peruntukan pembersihan tasik selepas program dimasukkan dan menyambut baik jawatankuasa rawatan air tasik diaktifkan semula.



5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 2 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 FEBRUARI 2019 2019.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.7	<p><b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS</b> Status lif di Kompleks A dan C memandangkan pada masa sekarang kita kekurangan tempat meletak kenderaan.</p>	<p>Majlis telah melantik Sepakat Satria Enterprise pada harga Rm1.35 juta. Serahan tapak telah dibuat pada 19.03.2019 dan akan dijangka siap pada 21.1.2020. Tempoh kerja untuk lif tersebut adalah 44 minggu. Majlis juga telah bersetuju untuk memasang lif dari jenis `Otis Elevator` bagi kedua-dua kompleks ini iaitu Komplek A dan C.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berkaitan:-</p> <p>a) Cadangan daripada Encik Derek John Fernandez untuk memasang lif seperti kaca di luar bangunan bagi mengelakkan kejadian jenayah.</p> <p>b) Pengarah Jabatan Kejuruteraan akan melihat semula perkara ini dan ia bergantung dengan struktur bangunan tersebut.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	<p>a) Bagi isu lif di Menara MBPJ, kenapa aras lif tidak sama. Beliau berharap agar siasatan dibuat memandangkan jenama lif ini tidak pernah digunakan di Malaysia.</p>	<p>Pemilihan syarikat untuk menjalankan kerja-kerja pemasangan lif di Menara MBPJ adalah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta melalui kelulusan lantikan terus PWN. Pihak syarikat telah mengemukakan jenama 'General Elevator' untuk kerja kontrak ini.</p> <p>Berkaitan dengan isu aras tidak sama daripada segi teknikal lif ini menggunakan teknologi 'Automatic Re-Levelling Device'. Keadaan ini biasanya berlaku hanya di aras Ground (Aras Bawah).</p> <p>Lif jenama 'General Elevator' telahpun mendapat kelulusan pembaharuan pendaftaran sebagai firma lif yang diiktiraf bagi memasang, menyelenggara dan memeriksa lif elektrik penumpang dan barang dan eskalator daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia bertarikh 1 Mac 2016.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL																																							
		<p>Jenama lif `General Elevator` telah dipasang di beberapa premis di Malaysia seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="903 499 1426 1227"> <thead> <tr> <th data-bbox="903 499 991 566">BIL</th> <th data-bbox="991 499 1302 566">NAMA SYARIKAT / BANGUNAN</th> <th data-bbox="1302 499 1426 566">UNIT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="903 566 991 600">1</td> <td data-bbox="991 566 1302 600">Wisma Giat Mara KL</td> <td data-bbox="1302 566 1426 600">1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="903 600 991 667">2</td> <td data-bbox="991 600 1302 667">Koperasi KOSWIP KL</td> <td data-bbox="1302 600 1426 667">1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="903 667 991 701">3</td> <td data-bbox="991 667 1302 701">Jakel Mall</td> <td data-bbox="1302 667 1426 701">1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="903 701 991 734">4</td> <td data-bbox="991 701 1302 734">Majlis Belia Malaysia</td> <td data-bbox="1302 701 1426 734">1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="903 734 991 801">5</td> <td data-bbox="991 734 1302 801">Glass House, Seputeh</td> <td data-bbox="1302 734 1426 801">2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="903 801 991 835">7</td> <td data-bbox="991 801 1302 835">Acacia Fabrics</td> <td data-bbox="1302 801 1426 835">2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="903 835 991 902">8</td> <td data-bbox="991 835 1302 902">Azalea Maternity Center Putrajaya</td> <td data-bbox="1302 835 1426 902">1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="903 902 991 969">9</td> <td data-bbox="991 902 1302 969">Sim Educare, Penang</td> <td data-bbox="1302 902 1426 969">1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="903 969 991 1003">10</td> <td data-bbox="991 969 1302 1003">MSM Prai Berhad</td> <td data-bbox="1302 969 1426 1003">1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="903 1003 991 1070">11</td> <td data-bbox="991 1003 1302 1070">Syarikat Sin Kwang Plastik</td> <td data-bbox="1302 1003 1426 1070">4</td> </tr> <tr> <td data-bbox="903 1070 991 1104">12</td> <td data-bbox="991 1070 1302 1104">Kaki Borneo Reflexologi</td> <td data-bbox="1302 1070 1426 1104">1</td> </tr> <tr> <td data-bbox="903 1104 991 1227">13</td> <td data-bbox="991 1104 1302 1227">Dato Sri Yap Keow Keong</td> <td data-bbox="1302 1104 1426 1227">1</td> </tr> </tbody> </table> <p>Tiga (3) unit lif Menara MBPJ yang telah siap sepenuhnya telahpun mendapat Sijil Perakuan Kelayakan Mesin Angkat bertarikh 10/8/2018 daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.</p>	BIL	NAMA SYARIKAT / BANGUNAN	UNIT	1	Wisma Giat Mara KL	1	2	Koperasi KOSWIP KL	1	3	Jakel Mall	1	4	Majlis Belia Malaysia	1	5	Glass House, Seputeh	2	7	Acacia Fabrics	2	8	Azalea Maternity Center Putrajaya	1	9	Sim Educare, Penang	1	10	MSM Prai Berhad	1	11	Syarikat Sin Kwang Plastik	4	12	Kaki Borneo Reflexologi	1	13	Dato Sri Yap Keow Keong	1
BIL	NAMA SYARIKAT / BANGUNAN	UNIT																																							
1	Wisma Giat Mara KL	1																																							
2	Koperasi KOSWIP KL	1																																							
3	Jakel Mall	1																																							
4	Majlis Belia Malaysia	1																																							
5	Glass House, Seputeh	2																																							
7	Acacia Fabrics	2																																							
8	Azalea Maternity Center Putrajaya	1																																							
9	Sim Educare, Penang	1																																							
10	MSM Prai Berhad	1																																							
11	Syarikat Sin Kwang Plastik	4																																							
12	Kaki Borneo Reflexologi	1																																							
13	Dato Sri Yap Keow Keong	1																																							

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Mesyuarat mengambil maklum berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Encik Derek John Fernandez iaitu:-</p> <p>a)Lif jenama `General Elevator` bukan untuk `high risk` dan hanya menguruskan lif dibangunan 8 (lapan) tingkat dan ke bawah.</p> <p>b.Keadaan `Automatic Re-Levelling Device` bukan berlaku di aras bawah malahan berada di aras tengah.</p> <p>c. Beliau berharap agar perkara ini diambil perhatian dan tiada alasan lagi bagi mengelakkan pengguna dari terperangkap di dalam lif di masa akan datang.</p>

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 4 MAC 2019 DAN 19 MAC 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/5 JLD. 6 (79))  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/5 JLD. 6 (81))**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi OSC bertarikh 19 Mac 2019 bagi perkara 4.7.1 b) di muka surat 83. Manakala perenggan akhir bagi perkara g) di muka surat 84 dibatalkan.

- a) YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa Majlis telah menerima surat penjelasan kedua daripada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) yang menyatakan dengan jelas bahawa tiada pengecualian bagi penyediaan

12/32



pangsapuri perkhidmatan mampu milik di kawasan TOD. Sehubungan itu, keputusan Mesyuarat OSC adalah selaras dengan surat kedua daripada LPHS yang mana pangsapuri perkhidmatan mampu milik harus dibina dalam projek ini.

**Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.**

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 11 MAC 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (44))**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:-

Pindaan bagi perkara 7.4 di muka surat 10

- ii. Lampu di Jalan BM1/2 dan Persiaran Bandar Utama Tidak Menyala

Encik Leong Chee Cheng memaklumkan aduan lampu jalan di BM 1/2 dan Persiaran Bandar Utama tidak menyala walaupun telah diperbaiki akan tetapi kerosakan masih berulang.

Pindaan 7.5 ii b dan d

- b. Meratakan semua rumput dan tanah
- d. Penukaran `rubbermat` taman permainan keseluruhan

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 11 MAC 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (85))**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Sumber Manusia, MBPJ.**

- 6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 27 FEBRUARI 2019 DAN 11 MAC 2019.**  
**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (33))**  
**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (35))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

- 6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 12 MAC 2019.**  
**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (13))**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

- 6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 15 MAC 2019.**  
**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (43))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, (Sumber Manusia), MBPJ.**

- 6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 15 MAC 2019.**  
**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (16))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 5.2.1 di muka surat 20 seperti berikut:-

Beliau memohon supaya Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran mengemaskini senarai rumah terbiar dan lot kosong serta tanah-tanah Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) mengikut zon Ahli Majlis masing-masing dan diminta emailkan senarai tersebut kepada semua Ahli Majlis.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.**

6.7.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Encik Derek John Fernandez berkaitan :-

- a) Rumah terbiar yang boleh mengundang pelbagai penyakit seperti denggi dan serangan oleh binatang berbisa. Satu pendekatan boleh diambil dengan mengemukakan kertas kerja kepada MTES bagi tujuan rampasan dan tindakan selanjutnya.

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 18 MAC 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (14))**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 6.2.1 perenggan 7 di muka surat 147 seperti berikut:-

... 15 tingkat ke bawah di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya...

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 18 MAC 2019.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (52))**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

## 7. UCAPAN PENANGGUHAN

### 7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK FARHAN HAZIQ BIN MOHAMED

Beliau mengucapkan salam kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat pada pagi ini. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar.

Beliau turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai Majlis yang banyak membantu menyelesaikan pelbagai masalah dan isu-isu berbangkit terutamanya di kawasan beliau iaitu di Zon 19 yang merupakan kawasan perumahan utama di DUN Kampung Tunku.

#### 7.1.1 Taman-Taman Awam Majlis

Beliau menarik perhatian bahawa salah satu tujuan Sustainable Development Goals 2030 iaitu SDG yang ke-11 di mana wujudnya keperluan untuk mewujudkan 'Sustainable Cities and Communities'.

Dalam perincian SDG tersebut, SDG 11.7 telah menggariskan keperluan kerajaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis) untuk menyediakan kawasan lapang/awam yang inklusif dan selamat terutamanya kepada wanita, golongan warga tua dan golongan kelainan upaya (OKU). Komitmen ini termasuklah tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan taman-taman awam bagi kegunaan orang ramai.

Dalam Bajet 2019, Majlis telah menyatakan komitmen untuk meningkatkan pengurusan alam sekitar, taman, padang dan landskap di Petaling Jaya termasuk menaiktaraf taman-taman awam.

Walaupun bagaimanapun, penyediaan taman awam tidak bermakna sekiranya penyelenggaraan infrastruktur taman-taman awam ini tidak dikawalselia dan dibiarkan dalam keadaan yang tidak terjaga dan berbahaya. Malah, lebih mengecewakan sekiranya taman-taman awam ini tidak dipromosikan dan tiada sebarang aktiviti yang dirangka untuk menggalakkan penggunaan taman-taman ini.

Di Petaling Jaya sahaja, majlis mempunyai 12 taman-taman awam contohnya, Taman Jaya, Taman Bandaran dan Taman Aman.



Tidak dilupakan Hutan Pendidikan Bukit Gasing yang juga merupakan kawasan tumpuan umum untuk aktiviti riadah.

a) Persoalan yang ditimbulkan:-

1. Adakah infrastruktur dan alatan-alatan yang dibekalkan dalam setiap taman ini dipantau dan dikawalselia dengan baik?
2. Adakah terdapat semakan secara berkala yang dilakukan oleh Jabatan terhadap alatan-alatan senaman dan kemudahan asas untuk memastikan ia selamat untuk digunakan oleh pengguna taman awam?
3. Adakah tindakan Jabatan hanya berdasarkan aduan pengguna semata-mata atau mengambil tindakan proaktif untuk memantau setiap taman-taman awam?
4. Adakah peruntukan-peruntukan yang disediakan mencukupi bagi mengawalselia 12 taman-taman awam ini?
5. Adakah Majlis secara keseluruhan memanfaatkan taman-taman awam ini dan mempromosikan taman-taman ini secara komprehensif kepada masyarakat awam terutamanya di laman web dan di media sosial milik Majlis?

Masyarakat hari ini lebih ramai mengamalkan gaya hidup sihat dan gemar ke taman-taman awam untuk beriadah bersama keluarga. Majlis seharusnya mengambil tanggungjawab untuk menyediakan taman awam yang selamat dan baik kepada warga awam dan pada masa yang sama, mempromosikan taman-taman Majlis kepada orang ramai.

b) Cadangan 5 Dasar Penambahbaikan

1. Menjalankan mesyuarat Jawatankuasa Kecil Teknikal Landskap dengan lebih kerap untuk memantau setiap taman-taman awam ini termasuk aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan di taman-taman ini dengan kerjasama Jabatan Landskap, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan.
2. Menyenaraikan kesemua 13 taman awam di MBPJ secara terperinci termasuk gambar-gambar taman dan lokasinya

bagi memudahkan pengguna merujuk dan mengetahui keunikan setiap taman yang ada di Petaling Jaya. Pada masa yang sama, memanfaatkan media sosial PJ KITA untuk mempromosikan taman-taman Majlis.

3. Merangka program-program sukan, kesihatan dan komuniti di taman-taman awam ini dengan kerjasama NGO-NGO berkaitan dan sekiranya perlu menjalankan kerjasama strategik bersama badan korporat untuk menaiktaraf taman awam dan meningkatkan daya tarikan taman tersebut.
4. Mewujudkan peruntukan khas untuk penyelenggaraan dan pembangunan taman-taman awam ini dan peruntukan ini diasingkan daripada penyelenggaraan kawasan-kawasan lapang yang lain.
5. Melantik pengawas zon bagi setiap taman-taman awam ini untuk memastikan keselamatan pengguna dan infrastruktur taman terjaga daripada gejala vandalisme, aktiviti memancing secara haram, pembuangan sampah, dan gejala-gejala yang tidak sihat yang berlaku di taman-taman tersebut. Pengawas zon ini juga bertanggungjawab memantau agar segala peraturan taman dipatuhi oleh pengguna taman.

Beliau berharap agar cadangan-cadangan beliau dipertimbangkan dengan lebih terperinci dan di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa demi memastikan MBPJ sentiasa ke hadapan untuk memenuhi aspirasi yang digariskan dalam `Sustainable Development Goals 2030`.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ  
Pengarah, Jabatan Pembangunan  
Kemasyarakatan, MBPJ.**

### 7.1.2 Memperkasakan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MBPJ

Beliau turut menarik perhatian ahli mesyuarat berkaitan pelantikan Penggerak Belia Tempatan atau dikenali sebagai PeBT yang telah disempurnakan oleh EXCO Pembangunan Generasi Muda dan Sukan dan Pembangunan Modal Insan pada 17 Februari 2019.

PeBT yang beliau anggap sebagai ahli majlis belia merupakan program Kerajaan Negeri untuk memperkasakan kepimpinan anak muda di peringkat komuniti dan bekerjasama dengan Majlis untuk meningkatkan penglibatan anak muda di dalam aktiviti-aktiviti komuniti.

Program ini telah bermula sejak tahun 2009 dan telah pun melahirkan pelbagai lapisan kepimpinan baik di peringkat majlis, negeri dan negara. Pada tahun lepas, Majlis Perbandaran Selayang telah diangkat sebagai PeBT terbaik di peringkat negeri Selangor. Di antara sebab mengapa Selayang dipilih adalah kerana sokongan yang diberikan oleh MPS terhadap PeBT dalam merangka program-program belia di Selayang.

Di MBPJ, kita mempunyai 24 orang PeBT dan mereka akan memilih seorang Pengerusi Induk di peringkat MBPJ untuk menguruskan program-program PeBT di Petaling Jaya. Mereka diberikan peruntukan dari Kerajaan Negeri sebanyak RM 5000.00 setahun untuk menjalankan program yang bersesuaian merangkumi sukan, budaya, komuniti, kepimpinan dan pengantarabangsaan. Pengurusan PeBT kini diletakkan di bawah Jabatan Kemasyarakatan.

Beliau melihat PeBT mempunyai potensi yang boleh digembleng oleh MBPJ untuk melahirkan suatu saf kepimpinan anak muda di peringkat komuniti dan negeri. Untuk makluman, beberapa mantan PeBT telah pun kini dilantik menjadi ahli Majlis dan ahli DUN sama ada di dalam atau di luar Selangor.

Jika dilihat melalui program-program MBPJ, amat jarang sekali kita memfokuskan kepada program kepimpinan. Dalam Bajet 2019, terdapat tiga (3) peruntukan yang difikirkan berkait rapat dengan program belia iaitu Peruntukan Rakan Muda berjumlah RM 215,000.00, peruntukan aktiviti sosial berjumlah RM 100,000.00 dan aktiviti-aktiviti belia berjumlah RM 130,000.00. Kesemua jumlah ini adalah RM 445,000.00.

Namun, tiada sebarang peruntukan khas yang disediakan kepada PeBT untuk menyokong gerak kerja mereka sebagai salah satu program kepimpinan di peringkat Majlis. Jumlah peruntukan yang disediakan kerajaan negeri adalah sebanyak RM 5000 setahun dan jumlah tersebut adalah sangat sedikit. Jika dibahagikan dengan 12 bulan, setiap bulan program yang boleh dilaksanakan hanyalah sebanyak RM 400.00.

Oleh yang demikian, beliau mencadangkan agar program PeBT ini diangkat sebagai satu program kepimpinan majlis dan ahli PeBT diktiraf sebagai sebahagian daripada komponen Majlis yang perlu diberikan sokongan sewajarnya agar PeBT dapat menjalankan program anak muda di peringkat Majlis dengan efisien.

a) Beliau mencadangkan lima (5) dasar berikut untuk pertimbangan Majlis dan Jabatan yang berkaitan:

1. Mewujudkan peruntukan khas kepada PeBT MBPJ dan/atau menggunakan dana pembangunan sedia ada sekurang-kurangnya RM 5000.00 tambahan kepada 24 PeBT yang berjumlah sebanyak RM 120,000.00 bagi menyokong program-program anjuran PeBT. Kelulusan peruntukan diletakkan sepenuhnya kepada Jabatan Kemasyarakatan.
2. Memberikan kuota pengecualian bayaran bagi kemudahan padang, dewan, kawasan lapang, kompleks arena, bilik mesyuarat, bas, fasiliti asas dan apa-apa kemudahan Majlis bagi setiap PeBT. Setiap penggunaan kuota hendaklah diluluskan oleh Jabatan Kemasyarakatan.
3. Menstruktur semula organisasi PeBT dengan mewujudkan biro-biro berkenaan sukan, ekonomi, sosial, sukan, kebajikan dan pengantarabangsaan untuk memastikan PeBT dapat menyokong agenda Majlis untuk menyediakan Petaling Jaya sebagai bandaraya mampan.
4. Memanfaatkan PeBT untuk memantau kemudahan awam dan keperluan anak muda di Petaling Jaya dan menjadikan PeBT sebagai ejen anak muda di peringkat komuniti.
5. Membenarkan Pengerusi Induk PeBT MBPJ untuk menjadi pemerhati di dalam Mesyuarat Jawatankuasa

Kemasyarakatan dan dibenarkan untuk memberi cadangan berkenaan anak muda di Petaling Jaya.

Selaku mantan ahli PeBT MBPJ, beliau yakin dengan adanya sokongan Majlis terhadap mereka, PeBT MBPJ kali ini bakal mencipta sejarah untuk memenangi Anugerah PeBT Terbaik di peringkat Selangor dan secara tidak langsung menjadikan Petaling Jaya sebagai hub pembangunan kepimpinan anak muda di negeri Selangor.

Beliau mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:

Burung helang terbangnya tinggi,  
Hinggap sebentar di pohon jati,  
Terima kasih saudara dan saudari,  
Memberi tumpuan sepenuh hati.

## 7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK THAYALAN A/L KRISHNASAMY

Beliau mengucapkan salam sejahtera dan Salam Vanakam yang bermaksud beliau sanjungi kesucian pada ehsan anda. Terlebih dahulu beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Pengerusi kerana memberi ruang kepada beliau untuk berucap pada hari ini.

### 7.2.1 Hasil Pemerhatian di Sidang Dewan Undangan Negeri

Beliau memaklumkan bahawa hasil pemerhatian beliau di sidang Dewan Undangan Negeri pada minggu lepas didapati bahawa terdapat beberapa isu yang relevan berhubung PBT seperti berikut:-

- a) Dasar-dasar majlis perlu diperbaiki atau digubal dan dipertimbangkan di dalam mesyuarat untuk pertimbangan bagi membantu memperbaiki pentadbiran di peringkat majlis khususnya dan kerajaan Malaysia amnya.

Menyentuh tentang pentadbiran kerajaan, beliau ingin menarik perhatian Majlis di mana pada 25 Mac 2019, YAB Perdana Menteri di dalam satu temuramah dengan Utusan Malaysia, telah menyatakan bahawa beliau kecewa dengan prestasi pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan. Ungkapan reaksi ringkas dan selamba beliau berbunyi “takpa lah banyak orang kecewa, saya pun kecewa dengan dia orang”.

Sebagai Ahli Majlis dan kerajaan peringkat ketiga, kita boleh membantu YAB Tun Mahathir yang cuba membangun dan mengembalikan maruah negara di dalam usia 93 tahun.

- b) Berkaitan pertanyaan ADUN kepada ahli-ahli EXCO berhubung PBT, salah satu perkara utama adalah ketidakberkesanan PBT di dalam menangani aduan-aduan kerosakan jalan dan infrastruktur PBT.

Dikalangan YB. ADUN lantang menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap isu ini sehingga ada cadangan daripada beberapa ADUN supaya YB. ADUN diberi ruang dan peluang untuk menyuarakan perkara ini di dalam mesyuarat Majlis Penuh.

YB. ADUN berpendapat bahawa YB. ADUN tidak sepatutnya berdepan dengan rungutan-rungutan pengundi memandangkan YB. ADUN sendiri tidak mendapat jawapan daripada majlis. YB. ADUN berpendapat kehadiran mereka tanpa sebarang peranan di dalam mesyuarat majlis penuh tidak produktif.

Walaupun Ahli Majlis aktif menggunakan group WhatApps aduan namun isu jalan berlubang/berlopak(pothole) masih tidak dapat diatasi dan tindakan pembaikan mengambil masa yang lama. Penduduk-penduduk tidak sabar memandangkan isu ini membahayakan keselamatan dan merosakkan kenderaan mereka.

Sebagai pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pothole beliau dan rakan-rakan Ahli Majlis akan cuba memperbaiki dengan mengkaji SOP majlis bagi mengatasi masalah ini.

Semasa menyediakan perutusan, beliau telah terjumpa laporan Penyata Jawatankuasa Pilihan tentang Pihak Berkuasa Tempatan berhubung isu penyelenggaraan jalan raya di Selangor bertarikh 2 Julai 2015. Laporan tersebut adalah lengkap dan tidak sulit serta boleh diperolehi di dalam laman web Dewan Undangan Negeri Selangor.

Di dalam laporan tersebut ahli-ahli jawatankuasa telah mengadakan perbincangan bersama wakil-wakil daripada pihak JKR Negeri Selangor dan `Institution of Engineer` (IEM) untuk

mengenalpasti kaedah-kaedah terbaik bagi penyelenggaraan jalan di Negeri Selangor.

Jawatankuasa tersebut juga telah mengadakan satu lawatan ke Lembaga Pengangkutan Darat (LDA) Singapura pada 9 Jun 2015.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar dengan penemuan laporan tersebut syor-syor tersebut akan menjadi penyelamat kepada majlis kerana salah satu kesimpulan utama berbunyi seperti berikut:

- a) Jawatankuasa juga mengambil maklum bahawa pihak JKR Negeri dan wakil daripada IEM bersetuju spesifikasi yang digunakan oleh pihak Lembaga Pengangkutan Darat 'Land Transport Authority' (LTA) Singapura adalah baik dan boleh diguna pakai untuk kebanyakan penyelenggaraan jalan di negeri Selangor seperti pemotongan jalan dan pembaikan semula jalan membaiki lubang-lubang jalan, penurapan semula jalan dan pembaikan semula 'manhole' dan 'grating' jalan supaya selaras dengan paras jalan sedia ada.

Selanjutnya laporan tersebut juga mempunyai 21 saranan terperinci kepada jawatankuasa. Beliau ingin berkongsi beberapa saranan yang difikirkan paling penting dan berkesan seperti berikut:-

- a) PBT perlu melantik kontraktor atau pasukan khusus untuk mengaudit dan mengenal pasti masalah-masalah berkaitan jalan raya seperti kerosakan jalan, kehilangan papan tanda, iklan-iklan serta notis-notis haram dan kerosakan kemudahan-kemudahan berkaitan jalan lain seperti perabot jalan, lampu isyarat dan sebagainya. Pasukan audit tersebut perlu bekerja mengikut jadual yang ditetapkan. Sebagai contoh, bagi jalan-jalan utama, pemeriksaan hendaklah dibuat sekali dalam masa dua minggu manakala bagi jalan-jalan di kawasan perumahan atau jalan-jalan lain, pemeriksaan boleh dibuat sekali sebulan.
- b) Bagi pembaikan jalan berlubang, Jawatankuasa menyarankan supaya PBT dapat mengikuti SOP pihak 'Land Transport Authority' (LTA) Singapura. Jalan tersebut perlulah dipotong cukup besar supaya ia dapat memuatkan mesin pemampat sebelum ditampal menggunakan 'aspalt hot mix'. Perkara yang

sama perlulah dilakukan pada 'base' jalan tersebut sekiranya perlu.

- c) Kerosakan jenis 'pothole' atau jalan berlubang perlulah diselesaikan dalam masa dua puluh empat (24) jam setelah aduan dibuat atau mendapat laporan daripada Kontraktor Audit yang dilantik mahupun kakitangan PBT. Bagi tujuan ini, pihak PBT perlulah mempunyai sebuah panel kontraktor yang terdiri daripada kontraktor yang bergred tinggi. Ini bagi memastikan mereka mempunyai prestasi kewangan yang kukuh serta peralatan yang lengkap untuk memastikan kerosakan-kerosakan dibaiki dalam masa dua puluh (24) jam pada bila-bila masa. Jawatankuasa menyarankan supaya pihak PBT memperkenalkan sistem demerit bagi kontraktor-kontraktor panel membaik pulih semula jalan sekiranya mereka gagal untuk melaksanakan kerja-kerja membaik pulih semula mengikut spesifikasi yang dicadangkan. Mereka boleh disenarai hitamkan sekiranya gagal mencapai skor yang ditetapkan.
- d) Jawatankuasa juga menyarankan supaya tempoh waranti ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya satu (1) tahun bagi kerosakan jalan dan dua (2) tahun bagi penurapan semula jalan.
- e) Keperluan agensi-agensi berkait untuk memotong dan mengorek semula jalan bagi tujuan pemasangan/penyelenggaraan utility disarankan supaya PBT dapat menubuhkan sebuah panel kontraktor-kontraktor yang mempunyai lesen dan berkelayakan untuk melakukan baik pulih semula jalan 'road reinstatement' di mana agensi-agensi yang memotong jalan boleh memilih mana-mana kontraktor di dalam panel tersebut untuk melaksanakan 'road reinstatement' kepada keadaan asal. Semua kerja membaik pulih semula jalan mestilah diratakan mengikut keadaan jalan sedia ada. Mendapan tidak patut berlaku sekiranya kerja-kerja membaik pulih jalan dilakukan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
- f) Jawatankuasa menyarankan PBT untuk memastikan semua 'manhole' ataupun 'grating' diratakan mengikut aras jalan sedia ada supaya jalan raya lebih selamat dan selesa untuk digunakan.



Dengan usaha gigih sepasukan majlis, beliau berharap dapat berbangga kerana kualiti jalan raya di Petaling Jaya adalah setanding atau lebih baik dari Singapura. Sebagai rumusan beliau mencadangkan supaya setiap syor laporan Jawatankuasa diteliti untuk digunakan dan diterapkan di dalam SOP baru kerja pothole PJ lestari.

#### 7.2.2 Insiden Menyedihkan di Zon 11

Beliau menarik perhatian mesyuarat dengan satu insiden yang menyedihkan yang berlaku di antara Zon 11 dan Zon 12 di mana seorang ibu telah dilanggar dan meninggal dunia di Jalan Kemajuan berhadapan Jaya One pada 20hb Mac 2019 semasa melintas jalan tersebut. Walaupun ianya satu kemalangan dan boleh dipertanggungjawabkan kepada kecuaiannya, kita sebagai ahli majlis yang bertanggungjawab untuk kemudahan awam perlu mengambil tindakan proaktif. Beliau difahamkan pernah ada cadangan pembinaan lintasan pejalan kaki dengan “push button” di kawasan tersebut tetapi telah ditangguhkan.

Beliau mencadangkan tiga (3) syor seperti berikut:-

- a) Majlis perlu mengenalpasti kawasan ‘hotspot’ kemalangan, kawasan lalu lintas jalan orang awam dan murid sekolah yang ‘footprintnya’ tinggi untuk menyediakan keselamatan dan keselesaan kepada warga PJ.

Beliau mencadangkan satu pasukan khas atau syarikat perunding dibentuk dan bersama ahli majlis zon mengenal pasti ‘hotspot’ ini dan tindakan serta merta diambil. Ini adalah untuk mengelakkan kes-kes kemalangan maut berulang. Beliau sedar bahawa kadangkala proses kajian, rekabentuk, melulus dalam cadangan pemaju OSC, (mana yang berkenaan), membina, menguji dan mentauliah mungkin memakan masa sehingga 2-3 tahun.

- b) Cadangan satu penyelesaian keselamatan jalan raya sementara dibina/disediakan sementara menunggu penyiapan cadangan penyelesaian sepenuhnya. Contohnya lintasan-lintasan pejalan kaki di OWL.

- c) Tender projek keselamatan jalan raya dan `Road Safety Audit`, satu tempoh siap kerja yang singkat keinginan jabatan dinyatakan sebagai satu cadangan keinginan tender. Dengan izin `Specified departmental Preferred Fixed Completion period as an Alternative tender option`. Dengan ini majlis dapat mempertimbangkan pilihan dan kos berkaitan untuk menjalankan kerja dengan cepat dan berkesan.

### 7.2.3 Ucapan Penghargaan

Sebagai wakil Ahli Majlis beliau amat bersyukur dapat bekerja dibawah pimpinan YBhg. Datuk Pengerusi. Beliau rasa semua Ahli Mesyuarat bersetuju bahawa YBhg. Datuk Pengerusi adalah satu watak kebapaan dan kepimpinan yang amat disanjung tinggi. YBhg. Datuk selalu mendidik kami dalam hal-hal pentadbiran yang cekap dan tingkah laku sosial yang beradab. Hasilnya ternyata, lebih dari 10 orang Ahli Majlis telah menjadi ADUN.

Sebagaimana YBhg. Datuk selalu nyatakan di dalam ucapan beliau berkaitan keharmonian tingkah laku di dalam usaha murni untuk menjalankan tugas bagi menggayakan kehidupan Petaling Jaya perlu masa dan kesefahaman.

Akhir sekali beliau memohon maaf kepada YBhg. Datuk Pengerusi dan semua pengurusan Majlis sekiranya terdapat kata-kata yang menguris perasaan semua. Tidak ketinggalan beliau memohon restu daripada YBhg. Datuk Bandar di dalam usaha untuk menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebuah bandar raya mampan dan berdaya saing dengan imej dan urus tadbir yang baik serta persekitaran yang selamat, harmoni dan sejahtera.


Beliau mengakhiri ucapan dengan dua (2) rangkap pantun seperti berikut:-

Buah cempedak di atas pagar,  
Ambil galah tolong jolokkan,  
Saya budak baru belajar,  
Kalau salah tolong tunjukkan.

Anak dara menumbuk pandan,  
Membuat kuih hidangan kenduri,  
Ilmu yang baik jadikan teladan,  
Segala yang buruk letak ketepi.

**SULIT**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.40 tengahari. YBhg. Datuk Pengerusi berharap agar cadangan yang dibangkitkan dapat diteliti dan sekiranya boleh dilaksanakan. Beliau memohon maaf keatas kesilapan dan kesalahan yang dilakukan sama ada sengaja atau tidak. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis, dan semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat pada hari ini.

  
(JOHARY BIN ANUAR) AMS  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 4 April 2019

27/32

**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

01. YBhg. Dato' Mohd Azizi bin Mohd Zain,  
D.S.I.S., A.M.N., A.M.S.,  
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, A.M.S.,  
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Encik Terence Tan Teck Seng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Mohamad Shakirien bin Dato' Abd. Razak,  
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ
08. Encik Ong Swee Long,  
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,  
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,  
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Ermeemarianna binti Saadon,  
Ahli Majlis, MBPJ.



**SULIT**

13. Encik Sugumararan a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Chan Pak Keung,  
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Puan Nurainie Haziqah binti Shafi'i,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Leong Chee Cheng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Loyis anak Uding  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ong Yew Thai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Quratulain Atiqah bt Norzahirul Anuar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Thayalan a/l Krishnasamy,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Pua Ghin Chu,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Rahibah binti Che Omar,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**TIDAK HADIR:**

01. Encik Anwar bin Nekhan, (dengan maaf)  
Ahli Majlis, MBPJ.



02. Encik Zamri bin Mohamad, (dengan maaf)  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,  
Timbalan Setiausaha/Pengarah,  
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
02. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, P.P.T.,  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,
03. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie, A.M.S.,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M.,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Hj. Hassan A.I.S.,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Mahzura binti Mohd Amin,  
Penolong Pengarah Kanan,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.

**SULIT**

12. Encik Lee Lih Shyan,  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Ruzaida binti Tormodi,  
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,  
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,  
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,  
Pengarah, Unit Audit Dalam Dan Integriti, MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy,  
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Puan Tee Szu Fong,  
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
19. Puan Sr. Hajah Saliza binti Mohd Masri, M.R.I.S.M.,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak).  
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**TURUT HADIR:**

01. YB Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,  
ADUN Bukit Gasing.
02. YB Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri,  
ADUN Taman Medan.
03. YB Tuan Halimey bin Abu Bakar,  
ADUN Seri Setia.



**SULIT**

**URUSETIA:**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Cik Nur Zaidah binti Abd. Kadir,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



**SULIT**